

ABSTRAK

Disertasi ini secara objektif mengkaji pemikiran Syeikh Ahmad al-Fatani, dengan berlandaskan teori kepimpinan menurut perspektif Islam. Oleh kerana didapati beliau adalah seorang ulama Patani yang dinamik dan berwawasan dalam menyusun strategi perjuangan demi kepentingan agama, bangsa dan negara. Sebagai seorang yang berwawasan, beliau telah mengambil beberapa pendekatan secara signifikan bagi mewujudkan generasi yang berilmu dan berdaya saing di masa akan datang. Kajian ini memberi tumpuan terhadap pemikiran tentang persoalan kepimpinan menurut perspektif Islam oleh Syeikh Ahmad al-Fatani. Sebelum memusatkan kajian ini secara terperinci dan mendalam terhadap pemikiran beliau mengenai persoalan tersebut, penulis mulai membincangkan tentang landasan teori kajian dan diikuti dengan huraian mengenai biografi dan latarbelakangnya. Seterusnya, penulis turut meneliti dan menganalisis terhadap pemikiran beliau yang berhubung dengan persoalan kepimpinan.

Kajian ini dibuat berdasarkan kaedah penyelidikan data-data dan bahan-bahan yang berkaitan dengan persoalan kepimpinan Syeikh Ahmad al-Fatani. Karya-karya peninggalan beliau dan juga penulisan-penulisan lain yang ada hubung kait dengan tajuk kajian diambil kira oleh penulis. Secara umumnya, kajian ini ingin melihat sejauhmana pemikiran-pemikiran ulama Patani khususnya Syeikh Ahmad berhubung dengan persoalan kepimpinan. Meneliti persoalan ini, mendapati bahawa penulisan-penulisan Syeikh Ahmad begitu kaya dengan pelbagai pemikiran termasuklah isu-isu politik dan persoalan kepimpinan. Meskipun masyarakat hari ini secara umumnya, mengenali beliau sebagai seorang ulama tradisional yang alim dalam bidang keagamaan sahaja, tanpa dikaitkan dengan kepakaran beliau dalam bidang-bidang yang lain. Manakala melalui penerokaan terhadap pemikiran-pemikirannya, amat jelas menunjukkan bahawa beliau adalah seorang tokoh Melayu Patani yang begitu banyak mencurahkan tenaga dan fikiran untuk memartabatkan dunia Melayu, agar setaraf dengan bangsa-bangsa yang lain di dunia dalam setiap aspek kehidupan umat, terutamanya dalam lapangan pendidikan.

ABSTRACT

This dissertation seeks to deliberate over the thought of Syeikh Ahmad al-Fatani, especially in respect to the leadership theory according to the Islamic perspective. As a Muslim who was a dynamic scholar in Patani with a vision to plot strategies for the Islamic crusade, for the importance of religion, nation and country. As a man of vision he has taken several approaches with significant method to form the generation, with knowledge and strength competence in the future. This research focuses on the issue of leadership according to the Islamic perspective by Syeikh Ahmad al-Fatani. Before the research takes place with further discussion, the author starts with a discussion about the principle of the study and followed by explanation on the biography of the said scholar this figure and his background. After which followed by his studies and analysis of the his thought that are related to the issue of leadership.

This dissertation is done according to the data and materials of research, which are related to the issue of leadership of Syeikh Ahmad al-Fatani. His work and also other published materials, which have relationship with the title, are taken in account by the author. This research in general, want to search how deep in thought of Islamic scholars of Patani especially Syeikh Ahmad, which related to the issue of leadership. Looking in depth into this issue, it discovered that his writings are loaded with various thoughts including political and leadership issues. However, the society nowadays, knows him only as a religious traditional Islamic scholar in the field of religion, without relating him with his expertise in other fields. While going through his discovery of thoughts, it is extremely clear that he is a Malay Patani figure, who put his effort, energy and thought to the reposition of the Malays' nation to be equal with others in the world in every aspect of the human life, especially in the field of education.